

Penuntut Komunikasi pelajar terbaik KPZ

Oleh: SHARIL NIZAM SHA'RI

Foto: Ahmad Fua'ad Alwi

BANGI (19 Mac) - Khairul Mahyuddin Areni, Bacelor Komunikasi (Penyiaran), Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM) menepati jangkaan sebagai penerima Anugerah Pelajar Terbaik Keseluruhan Kolej Pendeta Za'ba sempena Malam Anugerah Kecemerlangan Pendeta Kali ke-14, di Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP (ESSET).

Kejayaan beliau diukur berdasarkan kepada bakat, kepimpinan dan kepetahan bertutur. Beliau merupakan pendebat universiti dan sesuai dengan moto KPZ iaitu 'Hanya Yang Terbaik'.

Dengan tema "Keunggulan Warisan Za'ba, Tunggak Aspirasi Negara" senarai penerima anugerah diberikan kepada Zool Hilmi Mohd Sokri dan Nur Fadilah Husin sebagai Olahragawan dan Olahragawati. Squash terpilih sebagai Anugerah Pasukan


Sukan Terbaik.

Anugerah Kepimpinan pula dimenangi Noor Hafiz Noor Eing (anugerah Pemimpin Berbakat) dan Mohd Sabrie Mohamad Salleh (Anugerah Tunas Kepimpinan).

Anugerah Khas pula, Noorhana Ibrahim (Anugerah Akademik Terbaik), Anis Adila (Anugerah Khas MTM), sepuluh penerima anugerah Kepujian KPZ dan sepuluh penerima Anugerah Putra Pendeta yang baharu diperkenalkan kali ini.

Seterusnya, Anugerah Projek/Aktiviti berpihak kepada Festival Za'ba 2006 (Anugerah Projek Tahunan Terbaik) dan Nor Rashidi Sulaiman (Anugerah Pengarah Terbaik).

Naib Canselor UPM, Prof. Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata, KPZ akan diberikan keutamaan dalam pemberian bajet universiti untuk membina dewan sebagai meningkatkan kemudahan aktiviti di KPZ.



Gembira.... Khairul Mahyuddin Areni menerima piala daripada Prof. Dr. Nik Mustapha R. Abdullah.